

Satu Malaysia dalam Neraca Satu Ummah

Yusri Mohamad Ramli*

Abstract: The concept One Malaysia by Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak has become a kinetic strength for the development of the kingdom under his ruling. With the vision of uniting the Malaysians who are varied in religion race, it becomes a key agenda in every action and consideration of the kingdom. From Islamic point of view, Rasulullah saw had initiated the concept of One Umma to gain mutual objective as mentioned in the early article of Şahîfah Madinah. From the idea and vision perspective, the concept of One Malaysia fullfils sunnah Rasulullah saw and equals with Islam demands. To keep the aspect of implementation, the concept needs to be valued in accordance with the model and practice of One Umma conducted by Rasulullah saw.

Kata Kunci: Satu Malaysia, Satu Ummah, dan Şahîfah Madînah.

Setelah dilantik sebagai Perdana Menteri (PM) Malaysia yang ke-enam, Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam ucapan sulungnya pada 3 April 2009 lalu telah memperkenalkan motto 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang menjadi gagasan dinamik dan visi penting dalam merangka *policy* dan membangunkan negara Malaysia setelah menerajui tampuk kepemimpinan.

* Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43000 Bangi, Selangor, Malaysia. e-mail: yusri_mr@ukm.my.

Prospek utama yang mendasari objektif gagasan Satu Malaysia ialah memperkukuh tahap hubungan kaum di negara ini di samping membentuk perpaduan yang utuh di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Artikel ini menumpu secara khusus kepada konsep Satu Malaysia yang menjadi nadi kepada corak kepemimpinan Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak.

Satu Malaysia dilihat masih kurang mendapat respons dan perhatian para akademisi dan ilmunan untuk membuat analisis dari sudut perspektif Islam berbanding gagasan-gagasan lalu seperti Islamisasi atau penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan semasa tampuk kepemimpinan Tun Mahathir Mohamad dan juga Islam Hadhari gagasan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang terdahulu. Selain beberapa wacana dan program ilmiah serta artikel di media yang boleh dihitungkan, amat sedikit sekali penilaian dari sudut Islam diberikan kepada gagasan ini. Ini kerana berkemungkinan faktor tidak ada kata Islam pada

Satu Malaysia yang membawa konotasi bahwa ia tidak Islami, walaupun secara teori tidak ada siapa pun yang bersetuju bahwa ia tidak Islami dan berkemungkinan juga kerana agenda yang dibawa dalam konsep ini adalah inklusif kepada bukan Islam juga yang dilihat sebagai pendekatan yang masih baru dalam tradisi budaya masyarakat Muslim di Malaysia.

Gagasan begini sebenarnya telah dipraktikkan oleh Rasulullah saw semasa di awal pemerintahan baginda di Madinah. Ini termaktub di dalam pasal terawal *Ṣaḥīfah Madinah* yang menetapkan perjanjian atau kontrak sosial antara umat Islam yang terdiri atas Muhajirin dan Ansar dan yang bukan Islam yang berjuang bersama dengan umat Islam. Ini diperkukuhkan lagi dengan artikel selanjutnya bahwa umat Islam dan bukan Islam itu adalah satu umat atau bangsa yang satu.

Tulisan ini digarap untuk menganalisis gagasan Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak dari sudut teori dan pelaksanaannya dalam konteks masyarakat majemuk Malay-

sia berdasarkan perspektif Islam. Perspektif tersebut ditunjang dengan tumpuan khusus kepada model Satu Ummah yang termaktub dalam *Ṣahīfah Madinah*.

Satu Malaysia ke Arah Perpaduan Masyarakat Berbilang Agama dan Kaum

Faktor yang menjadi pencetus utama dalam pembinaan gagasan ini ialah aspek hubungan antara kaum dan agama. Sejak kemerdekaan negara pada 1957 sehingga ke hari ini, banyak isu-isu dan konflik antara kaum sama ada besar maupun kecil dari sudut masalah dan impaknya telah pun berlaku secara berulang kali dengan tiada penyelesaian jangka panjang. Ini merangkumi konflik-konflik dalam perundangan, politik, ekonomi, dan juga kemasyarakatan. Skenario ini membawa kepada longgarnya perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia walaupun dilihat masih bertahan sehingga ke hari ini. Lubang-lubang pertelingkahan yang sering kali bocor ini tidak wajar ditempelkan setiap kali, bahkan sepatutnya

diperkukuhkan dengan binaan baru yang mapan supaya tidak ada ruang ia berlaku kembali. Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak melihat Satu Malaysia sebagai satu pembuka kepada lembaran baru yang dapat mempererat dan mempermantap perpaduan di kalangan warga Malaysia.

Selain itu, secara tradisinya para pemimpin negara sering bersandarkan kepada suatu gagasan pemacu yang dicipta bagi memandu hala tuju mereka dalam melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin negara. Ini ditandai dengan laungan beberapa slogan oleh pemimpin terdahulu seperti Tun Mahathir Mohamad dengan *Wawasan 2020*, dan Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan *Cemerlang, Gemilang, dan Terbilang*, serta Islam Hadhari dan sebagainya yang telah menjadi tema dan agenda pemimpin negara dalam mengemudi corak kepemimpinan mereka.

Faktor lain yang tidak boleh dinafikan ialah dari sudut politik, yang mana memperlihatkan bahwa ia adalah satu usaha ke arah memulihkan kepercayaan rakyat kepa-

da kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) yang mengalami kekalahan teruk dalam Pilihanraya Umum ke-12 yang lalu. Dengan label ultra-Melayu kepada United Malays National Organisation (UMNO) dan kehilangan banyak sokongan kaum India dan Cina kepada mereka, di samping kelemahan-kelemahan dan isu-isu tertentu meletakkan BN yang selama ini mendominasi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri terpukul dengan tsunami politik yang melanda mereka. Justeru, usaha-usaha memperkukuhkan kedudukan politik seumpama cetusan-cetusan ide dan gagasan-gagasan kepemimpinan yang memberi harapan kepada rakyat adalah suatu yang pasti diterima ramai dan dinantikan. Oleh sebab itu, Satu Malaysia yang mula diwar-warkan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Maret 2009 mengilhamkan Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak untuk menjadikannya sebagai satu formula bagi mencapai tujuan ini termasuklah meliberalisasikan sifat ultra perkauman yang menjadi imej di mata kalangan rakyat khu-

susnya bukan Melayu terhadap partai ini. Beberapa indikator terhadap hal ini dapat dikesan melalui cadangan gagasan ini yang mula muncul ketika Perhimpunan Agung UMNO dan juga menjadi slogan politik dalam UMNO dan BN yang dapat dilihat dalam laman web, ceramah, kenyataan media dan sebagainya. Namun, sebab politik walaupun dilihat sebagai sebab pertama dan semasa tidak semestinya menjadi sebab teras dan utama.

Walau bagaimanapun, slogan Satu Malaysia dilihat sebagai tepat pada masanya dalam memperkukuh kesinambungan cetusan-cetusan ide dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh para pemimpin terdahulu dalam mencapai matlamat ke arah perpaduan nasional di samping mempertingkatkan pembangunan Malaysia ke arah keseimbangan yang holistik dari segenap penjurong termasuk politik, ekonomi, dan sosial. Ini diperhebatkan lagi dengan hakikat bahwa Satu Malaysia dilihat sebagai suatu gagasan politik yang julung kalinya diterima oleh seluruh rakyat

Malaysia tanpa bantahan. Walaupun ada pihak kelihatan kurang atau tidak respons kepada hal ini, namun tidak ada bantahan yang wujud berbanding isu Islam Hadhari atau Islamisasi sebelum ini.

Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak memperjelas bahwa konsep Satu Malaysia ini bermaksud bahwa sebagai rakyat Malaysia, kita berpikir dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia dan tindakan-tindakan yang diambil adalah berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara ini. Namun ini bukan bermakna dasar-dasar seperti mengutamakan bumiputera diketepikan. Namun, apa yang penting ialah memastikan dasar itu dilaksanakan dengan adil dan memberi pertimbangan kepada golongan bumiputera yang layak dan wajar. Satu Malaysia ini juga, tegas Najib mengeluarkan tembok-tembok etnik yang telah di-malkan sejak sekian lama. Dalam arti kata lain, keutamaan dan pertimbangan akan meliputi semua warga Malaysia tanpa ada batasan-batasan kaum atau bangsa.

Dato Seri M. Najib Tun

Abdul Razak di dalam blog rasmi beliau, telah mempermantap penjelasan mengenai gagasannya ini dengan memperkenalkan lapan nilai utama dalam gagasan Satu Malaysia merangkumi budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan, dan integriti.¹ Nilai-nilai ini mencerminkan suatu kesepaduan antara identiti keperibadian unggul dan juga ketinggian nilai masyarakat yang mesti dicapai seoptimumnya oleh segenap warga.

Dalam sidang Dewan Rakyat di Parlemen pada 15 Juni 2009, Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak menerangkan secara konstruktif tentang visi Satu Malaysia ini dengan memberikan dua objektif penekanan yang menjadi fokus gagasan ini merangkumi dua aspek yaitu penerapan teras perpaduan di kalangan masyarakat majemuk Malaysia yang merangkumi penerimaan semua kaum, prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara, dan Keadilan Sosial. Manakala aspek kedua pula ialah penerapan

nilai-nilai aspirasi murni yaitu lapan nilai yang telah beliau kemukakan di laman blognya. Kedua-dua aspek ini dilaksanakan ke arah mencapai matlamat akhir yaitu perpaduan nasional.²

Beliau menegaskan bahawa gagasan ini amat berbeda dengan asimilasi yang diamalkan di negara lain di mana identitas kaum-kaum etnik dilenyapkan dan digantikan dengan satu identitas nasional baru yang sama bagi semua kaum. Sebaliknya ia secara tersurat dan tersirat menjunjung ke semua peruntukan teras seperti Perkara 3, 4, 152, 153 dan Bahagian 2 serta 3 yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.³

Malah ia secara nyata telah pun diamalkan oleh para pemimpin negara terdahulu yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seumpama undang-undang, dasar, program, aktivitas, pendidikan, dan sebagainya. Apa yang pastinya menurut Najib, Satu Malaysia menekankan sikap penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum lain seadanya ser-

ta menghargai mereka sebagai suatu aset dan kelebihan yang patut dibanggakan oleh semua dan menghormati identitas mereka sebagai rakyat dalam satu negara.⁴

Satu Ummah Asas Perpaduan dan Integrasi Warga Madinah

Sumber paling primer teks *Ṣaḥīfah Madinah* ialah *Sīrah Rasūlullāh* yang merupakan sebagian dari kitab *al-Maghāzī wa al-Siyar* karya Muhammad ibn Ishaq (w. 151 H) yang dikenal sebagai Ibn Ishaq dan juga *al-Sīrah al-Nabawiyah* yang juga masyhur dengan judul *Sīrah Ibn Hisyām* karya Abu Muhammad ibn Abd al-Malik ibn Ayyub al-Ansari (w. 213 H) atau lebih dikenal sebagai Ibn Hisyam. Kedua karya ini merupakan sumber sejarah Rasulullah saw paling ulung yang masih wujud pada hari ini selain daripada kitab-kitab himpunan Hadis.⁵ Selain daripada dua sumber ini, rujukan terawal yang lain termasuklah *Kitab al-Arwāḥ* karya Abu Ubayd al-Qasim ibn Salam dan juga 'Uyūn al-Aṣār karya Ibn Sayyid al-Nas.⁶

Kitab *al-Maghāzī* dipercayai telah hilang sebagaimana catatan-catatan *sīrah* yang dibuat oleh tokoh-tokoh yang lebih awal dari kalangan Sahabat dan Tabi'in (ra) seperti Abban ibn Usman ibn Affan (w. 105 H), Urwah ibn Zubair (w. 93 H), Wahb ibn Munabbih (w. 101 H), dan Muhammad ibn Muslim ibn Syihab al-Zuhri (w. 124 H). Tidak dapat dipastikan adakah terdapat teks *Ṣaḥīfah Madinah* di dalam catatan mereka tersebut. Namun, *al-Maghāzī* dikatakan sumber yang paling dapat dipercayai. Antara tokoh sejarah Islam yang dianggap berperanan besar meriwayatkan sebagian data-data sejarah dari kitab tersebut ialah al-Waqidi. Walaupun banyak kritikan turut dilemparkan kepada beliau sepertimana juga Ibn Ishaq dan Ibn Hisyam, usaha beliau ini telah menyelamatkan sebagian daripada kandungan karya *sīrah* yang paling berpengaruh dalam dunia Islam. Menurut beberapa riwayat dan pandangan juga, sebagian dari kandungan kitab ini terdapat pada *Sīrah Ibn Hisyām*. Ini kerana Ibn Hisyam berguru dengan salah

seorang murid Ibn Ishaq yang masyhur iaitu Ziyad bin Abd Allah al-Bakka'i.⁷

Terdapat banyak dakwaan dan kesangsian mengenai keabsahan riwayat yang terdapat di dalam karya Ibn Ishaq ini. Malah pribadi beliau tidak kurang dicemuh oleh tokoh-tokoh ilmuan besar lain seperti Muhammad ibn Idris al-Syafi'i, Ahmad ibn Hanbal, dan beberapa muḥaddisūn yang lain.⁸ Namun, perbincangan dalam tulisan ini tidak dijerumuskan untuk menilai secara lebih lanjut mengenai hal ini. Apa yang ingin ditekankan ialah bahwa teks *Ṣaḥīfah Madinah* itu sendiri dapat dikesan melalui karya-karya ini dan boleh dianggap sebagai sumber paling primer yang merekodkan secara terperinci seluruh pasal dalam *Ṣaḥīfah Madinah*.

Walau bagaimanapun, secara khusus dalam menyokong kebenaran riwayat *Ṣaḥīfah Madinah* ini, Hamidullah menjelaskan bahwa sebagian daripada klausa yang terdapat di dalam *Ṣaḥīfah* ada di dalam *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* yang diriwayatkan oleh Anas ibn Malik. Bahkan

sebagian daripada perawi teks ini meriwayatkan dari tokoh-tokoh Tabi'in seperti Ibn Zanjawah yang meriwayatkan dari al-Zuhri dan juga Ibn Sayyid al-Nas yang meriwayatkan dari Ibn Abi Khaitamah. Diksi-kata yang digunakan dalam teks ini juga adalah lama dan seumpama bahasa yang digunakan pada zaman Rasulullah saw dan berbeda dengan zaman ketika Ibn Ishaq menulis kitab ini. Al-Maqrizi juga mendakwa bahwa dokumen *Ṣaḥīfah Madinah* ini dipikulkan bersama pedang Zulfakar milik Nabi saw yang diwarisi oleh Ali ibn Abu Talib ra. Bangkangan dan kesangsian yang ditimbulkan hampir kesemuanya merujuk kepada *kesiqahan* penulis dan juga keabsahan riwayatnya dan tidak kepada makna dan isi kandungannya. Malah, secara nyatanya tidak ada dokumen di dalam *Ṣaḥīfah Madinah* ini yang bercanggah dengan dasar Islam, bahkan ia harmoni dengan tuntutan Islam dan selaras dengan apa yang biasa dipahami dalam tindakan-tindakan Rasulullah saw.⁹

Ṣaḥīfah Madinah dike-

nal pasti sebagai perlembagaan negara bertulis yang pertama di dunia.¹⁰ Walaupun sebelum tertulisnya perlembagaan ini, sudah wujud beberapa buku seperti Samuel dalam *Tanakh* atau *Old Testament*, *Artha-Sastra* karya Kautilya serta *Manusmrti* dalam tradisi Hinduisme, dan juga *Athenai-on Politeia* (*The Constitution of the Athenians*) karya Aristoteles. Namun kesemua tulisan ini hanya berbentuk nasihat kepada raja dan putra raja dan lebih berbentuk sejarah. Malah tidak ada satu pun yang mempunyai otoritas keperlembagaan sebuah negara.¹¹

Madinah Munawwarah merupakan sebuah negara kota (*city-state*) yang telah dibina atas asas yang kukuh melalui sebuah perlembagaan. *Ṣaḥīfah Madinah* adalah perlembagaan negara Madinah yang digubal secara konsensus antara Rasulullah saw, dan ketua-ketua setiap kaum dan puak pada 622 H. Ia suatu kode tindakan (*code of action*) dan piagam hak dan tanggungjawab (*charter of rights and duties*) yang mendasari polisi pentadbiran ne-

gara Madinah.

Selain menjadi tumpuan banyak pengkaji Islam terkini seperti Barakat Ahmad, Muh. Hamidullah, Muh. al-Qadri, dan Ali Khan, ia juga telah mendapat perhatian para penyelidik dari Barat seperti Julius Wellhausen, Mueller, Hubert Grimme, Bernard Lewis, Sprenger, Wersinck, Caetow, Cetani, Buhl, Ranke, R. B. Serjeant, W. Montgomery Watt, dan sebagainya.

Dalam beberapa keterangan di dalam piagam ini dapat dipastikan bahwa *Ṣaḥīfah Madinah* ditulis berdasarkan arahan dan wahyu dari Allah SWT. Pasal 42 dan 46 sebagai contoh menyebutkan bahwa Allah mempersaksikan kebaikan dan kebenaran isi kandungan piagam ini dan merestuinnya. Ini secara langsung menunjukkan aspek rabbani (*divine*) perlembagaan ini yang memang sesuatu yang selaras dengan kehendak Allah SWT dan juga ajaran Islam.

Ṣaḥīfah Madinah secara umumnya menurut al-Buti terdiri atas 52 klausa atau pasal jika dirujuk kepada riwayat dalam *Sīrah Ibn Hisyām*. Muh.

Tahir al-Qadri walau bagaimanapun dalam *Constitutional analysis of the Constitution of Madina* pula mengkategorikannya mengikut bentuk perlembagaan moderen kepada 63 artikel. *Ṣaḥīfah Madinah* umumnya terdiri atas dua bagian yang berbeda. Bagian pertama yaitu 23 pasal terawal berhubungkait tentang hal ihwal orang Islam. Manakala bagian selanjutnya berkait tentang hal-ihwal orang-orang Yahudi dan bukan Islam.¹²

Ṣaḥīfah Madinah merupakan suatu kontrak sosial yang didasarkan kepada perjanjian berasaskan konsep sebuah komunitas yang terdiri atas pelbagai puak dan kaum yang hidup di bawah naungan satu Tuhan. *Ṣaḥīfah Madinah* juga telah menetapkan suatu kaidah yang menyelesaikan segala pertelingkahan di kalangan kaum dan kumpulan dalam masyarakat secara aman tanpa memaksa semua warga untuk memeluk satu agama, satu bahasa, atau satu budaya. Ini menunjukkan bahwa tindakan Rasulullah saw mencerminkan kemahiran diplomatik yang sangat tinggi yang dibentuk selaras

dengan pertimbangan yang praktikal tanpa mengeneipikan prinsip-prinsip agama.

Artikel 1 dan 2 (setengah perawi dan pengkaji sejarah menyatukan artikel 1 dan 2 ini sebagai satu pasal) dan 25 adalah bagian yang secara jelas menyebutkan mengenai konsep Satu Ummah: Pasal 1: Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Inilah kitab (piagam) dari Muhammad, nabi dan utusan Allah antara orang-orang beriman dan yang memeluk Islam daripada golongan Quraisy (Muhajirin) dengan penduduk Yatsrib (Ansar dan Yahudi/bukan Muslim) dan siapa yang bersama-sama mereka dan termasuk ke dalam golongan mereka dan berjuang bersama mereka (sekutu mereka). Pasal 2 : Bahwa mereka (semua warga Madinah) adalah umat (bangsa) yang satu, (berbeda) daripada masyarakat manusia yang lain. Pasal 25 : Bahwa kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama-sama orang-orang mu'min; mereka bebas dengan agama mereka sendiri, dan orang-orang Islam dengan agama

mereka, begitu juga orang-orang yang bersekutu dengan mereka dan begitu juga diri mereka sendiri melainkan siapa yang berbuat kezaliman dan dosa, maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri.

Para sarjana dan pengkaji Muslim berbeda pendapat dalam menafsirkan golongan yang dimaksudkan ummah yang satu dalam artikel-artikel ini. Bahkan Ibn Hajar al-Asqalani yang enggan mensahihkan riwayat Ibn Ishaq walaupun tidak menyatakan alasannya terkejut dengan kenyataan di dalam pasal 25 yang menyatakan bahwa orang-orang Yahudi dianggap sebagai satu ummah dengan orang-orang yang beriman. Hamidullah dalam hal ini menjelaskan bahwa orang-orang Yahudi juga percaya kepada Tuhan yang Esa sebagaimana orang-orang Islam.¹³ Oleh yang demikian, kenyataan di dalam pasal ini dibuat atas konsep kewahyuan asas agama Yahudi itu yang berasal dari Tuhan atau dalam arti kata lain orang Yahudi adalah Ahli Kitab

yang mempunyai hak-hak tertentu dalam Islam. Walau bagaimanapun, penulis lebih cenderung untuk menghubungkan sebab kewarganegaraan sebagai asas penilaian berbanding sebagai Ahli Kitab.

Ibrahim Che Noh dalam kajiannya juga turut menegenipikan maksud bukan Islam sebagai terangkum dalam istilah ummah di sini. Ummah ditakrifkan beliau sebagai jamaah Islamiyah manakal *dūn al-nās* atau manusia yang lain adalah termasuk musyrikin, non-Muslim, dan Yahudi.¹⁴ Akan tetapi, maksud sebegini menurut hemat penulis adalah suatu yang tidak tepat dan bercanggah dengan isi kandungan perlembagaan ini. Ini kerana *Ṣaḥīfah Madinah* diketahui umum sebagai suatu perjanjian antara seluruh penduduk Madinah dengan lebih khususnya antara umat Islam dan bukan Islam terutamanya kaum Yahudi. Sudah tentulah 'penduduk Yatsrib' di sini termasuk bukan Islam. Malah menjadi kebiasaan dalam mana-mana perjanjian untuk menyatakan pihak yang terlibat di dalam perjanjian di awal

penyataan perjanjian tersebut dan amat janggal jika hanya satu pihak yang disebutkan.

Penyataan artikel pertama ini mestilah merujuk kepada kumpulan-kumpulan yang berlainan. Amat janggal dari sudut bahasa untuk mengatakan kumpulan pertama dan kedua adalah kumpulan yang sama yang membuat perjanjian bersama-sama. Lebih daripada itu, untuk merangkumkan perkataan *dūn al-nās* sebagai meliputi orang-orang Yahudi dan bukan Islam adalah suatu yang bercanggah dengan pasal-pasal di dalam Piagam Madinah ini. Karena orang-orang Yahudi sering kali disamaratakan dari sudut hak dengan orang Islam dan pasal 25 secara jelas menyebutkan orang-orang Yahudi sebagai satu ummah dengan orang-orang Islam. Malah hampir keseluruhan pasal dalam bagian kedua piagam ini menyentuh mengenai hal ihwal orang Yahudi. Termasuk dalam hal ini yaitu mereka yang bersekutu dengan Yahudi dari kaum atau bani yang lain. Bani-bani Yahudi utama yang menetap di Madinah disebutkan dalam pasal

berikutnya yaitu dalam pasal ke-26 hingga ke-35.

Di samping itu, pasal 1, 23, dan 42 dalam *Ṣahīfah Madinah* secara jelas meletakkan Rasulullah saw sebagai pemimpin negara yang diterima oleh semua pihak. Malah jika mengkaji dari sudut *Sīrah* adalah amat nyata penerimaan semua pihak terhadap kepemimpinan Rasulullah saw. Selain itu, penghukuman terhadap pengkhianatan Bani Qaynuqa', Nadhir, dan Qurayzah juga diasaskan kepada perlembagaan ini. Perkaatan *dūn al-nās* di sini merujuk kepada yang bukan warganegara. Secara tersirat, pasal tersebut mengiktiraf kedudukan warganegara yang lebih utama oleh Madinah berbanding yang bukan warganegara. Oleh yang demikian termasuk juga sebagai warganegara adalah yang bukan Islam. Para pengkaji Islam dari Barat seperti yang telah disebutkan setuju dalam merangkum istilah *ummah* dalam *Ṣahīfah Madinah* sebagai merujuk kepada semua kaum termasuk Muslim dan bukan Muslim.

Oleh karena itu, menaf-

sirkan *ummah* sebagai hanya umat Islam saja adalah tidak rasional dan tidak berasas. Kecenderungan menafsirkan begini disebabkan penggunaan kata *ummah* yang populer bagi umat Islam. Sedangkan penggunaan kata *ummah* di sini adalah umum sebagai bangsa (*nation*) atau warga (*citizen*) dan tidak khusus sebagaimana yang lazim dirujuk sebagai umat Islam.

Klausula Satu Ummah ini secara umum menjadi paksi kepada seluruh isi kandungan *Ṣahīfah Madinah* seterusnya yang mengikat suatu kontrak sosial yang meliputi dasar dan prinsip negara termasuk mengakui dan menerima Rasulullah saw sebagai pemimpin seperti dalam pasal 1, 23, dan 42, Islam sebagai agama utama seperti dalam pasal 1, 2, 20, dan 23, al-Qur'an dan Sunnah sebagai panduan seperti dalam pasal 20 dan 23, hak-hak dan tanggungjawab umat Islam seperti dalam pasal 3 hingga 12, 13, 17, 18, 19, 20, 21, 22, dan 23, hak-hak dan tanggungjawab bukan Islam seperti dalam pasal 16, 24, 25 hingga 35, dan 37, di samping hak tanggungjawab

bersama segenap warga seperti dalam pasal 15, 22, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, dan 47, hak bukan warganegara yang datang ke Madinah seperti dalam pasal 47 serta tanggungjawab setiap kabilah Muslim dan non Muslim khususnya Yahudi bagi menjaga setiap kaumnya dan mematuhi kepala kaum masing-masing selagi mematuhi prinsip perlembagaan seperti dalam pasal 3 hingga 12 dan 25 hingga 35.

Warga Madinah terdiri atas pelbagai latar belakang kaum dan kabilah. Malah kehidupan mereka sebelum kedatangan Islam berada dalam keadaan tegang dan berpecah belah sehingga mencetuskan perang seperti Perang Bu'ats antara Bani Aus dan Bani Khazraj. Orang-orang Arab terdiri atas beberapa kabilah atau bani antaranya ialah Aus, Harits ibn Khazraj, Auf, Sa'idah, Jusyam, Najjar, Amr ibn Auf, Nabit, dan lain-lain. Manakala orang-orang Yahudi pula terdiri atas Auf, Najjar, Harits, Sa'idah, Jusyam, Aus, Tsa'labah, Jafnah, Syutaibah, Nadir, Qaynuqa', Qurayzah, dan sebagainya. Selain itu,

terdapat beberapa kumpulan minoritas seperti penganut Kristen, paganisme, dan animisme, mereka yang berasal dari luar Madinah, dan juga kumpulan-kumpulan puak kecil yang lain.

Kedatangan golongan Muhajirin membuka lembaran baru peradaban komunitas Madinah. Pendekatan mempersaudarakan Bani Aus dan Khazraj yang bertelagah di bawah satu nama yaitu Ansar serta mengikat ikatan persaudaraan atau *ta'akhi* antara setiap Muhajirin dan Ansar telah menjadi suatu titik tolak keutuhan persaudaraan Muslim di Madinah. Malah konsep persaudaraan ini turut dilebarjalin dengan kaum bukan Islam terutamanya Yahudi.

Solidaritas komunitas Madinah ini diikat dengan perjanjian *Ṣaḥīfah Madinah* yang mengakui bahwa semua kaum, bangsa, dan penganut agama adalah satu bangsa atau umat yang satu. Oleh karena itu, umat dalam konteks perlembagaan Madinah merujuk kepada semua penduduk Madinah meliputi Muhajirin dan Ansar, Yahudi, dan kaum lain yang menetap di

Madinah. Negara Madinah terbentuk atas jalinan perpaduan antara setiap individu dan setiap bangsa, puak, dan kumpulan. Setiap mereka mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap negara.

Satu ummah telah membentuk identitas warga Madinah yang mempunyai mental kelas pertama dan berperadaban tinggi. Madinah telah menjadi negara yang mantap dan disegani. Di bawah konsep ummah, penduduk Madinah telah bekerjasama untuk membangun Madinah dari segi politik, ekonomi, ataupun sosial.

Keselamatan Madinah juga terjamin dari ancaman luar karena setiap puak saling bantu membantu. Walaupun terjadi pengkhianatan oleh kumpulan tertentu seperti Bani Qaynuqa', Nadir, dan Qurayzah. Namun, ia dapat diatasi dengan mudah karena secara nyata mereka telah melanggar perjanjian Şahîfah Madinah dan mengakibatkan hukuman dikenakan kepada mereka seperti dibuang, diperingi, dan sebagainya. Namun, Rasulullah saw tetap memberi peluang pengampu-

nan kepada mereka dengan memberi tawaran agar memeluk agama Islam walaupun hakikatnya hanya sedikit saja yang mendapat hidayah untuk berbuat demikian.

Satu ummah telah menyelesaikan krisis kepemimpinan. Dahulu, Bani Aus dan Khazraj saling berperang untuk merebut kepemimpinan Yatsrib. Malah kaum Yahudi turut mengambil kesempatan melaga-lagakan antara kedua pihak ini. Namun, Şahîfah Madinah telah membentuk satu masyarakat yang kokoh dari segi politik dengan menerima kepemimpinan Rasulullah saw.

Kepemimpinan tersebut dipersatukan dengan penerapan nilai-nilai yang terkandung dalam konsep Satu Ummah meliputi perpaduan rakyat, kerjasama, kesepahaman, kesetiaan, kebajikan, keadilan, hak orang Islam dan non Islam, perundingan dan kerjasama antara masyarakat, kebebasan bersuara, hak wanita dan golongan minoritas, kenegaraan dan patriotisme, tanggungjawab, saling menghormati, amanah, hubungan antara kaum, toleransi kepada

golongan imigran yang baru datang ke Madinah, penghormatan kepada pribumi yang telah lama tinggal di Madinah, harmonisasi pertelingkahan kaum, setiakawan dan persaudaraan, saling menghormati antara penganut agama dan bangsa yang berlainan, *aṣabiyah* yang baik, patuh kepada ketua negara dan juga ketua kaum masing-masing serta agama Islam dengan panduan al-Qur'an dan Sunnah sebagai asas kenegaraan tanpa prasangka dan diskriminasi terhadap agama, kaum, dan bangsa yang lain.

Satu hal yang menarik dan penting untuk diperjelas ialah bahwa di dalam *Ṣaḥīfah Madinah* perkataan samarata banyak digunakan untuk kaum Yahudi dan non Islam.¹⁵ Ini menunjukkan betapa aspek hak non Islam diwartakan dengan jelas dan diberi perhatian sewajarnya dan tidak dianaktirikan. Ini adalah karena perjanjian tersebut diasaskan kepada pertimbangan praktis dan menyeluruh tanpa berpihak kepada satu kelompok saja dan tidak menggadaikan prinsip Islam. Walaupun non Islam seringkali disebut seba-

gai setaraf dengan Islam, ini tidak menjejaskan status agama Islam itu sendiri. Malah banyak klausa yang menjelaskan status tinggi agama Islam sebagai asas negara. Perjanjian tersebut mengutamakan perkara obyektif (Islam) daripada subyektif (orang Islam). Jika obyek diangkat, niscaya subyek juga akan terangkat selagi teguh berpegang kepada obyek tersebut. Islam itu sentiasa baik dan terbaik, tetapi umat Islam belum tentu mengikuti Islam, karena ada kalanya umat Islam sendiri yang melanggar syariah dan undang-undang. Bagaimanapun, prinsip keadilan untuk semua senantiasa memayungi warga Madinah tanpa membedakan bangsa dan agama. Prinsip inilah yang menjadikan warga Madinah begitu kental semangat kenegaraan dan kokoh perpaduan antara kaumnya, sehingga berbeda sekali dengan keadaan mereka sebelumnya yang bercakaran antara satu sama lain.

Lebih dari itu, Satu Ummah turut memberi inspirasi kepada dunia ke arah mencapai perpaduan antara bang-

sa-bangsa dan negara. Dalam satu keterangan yang dinyatakan C. Snouck Hurgronje: Pertubuhan bangsa-bangsa dunia (*The League of Nations*) yang diasaskan oleh nabi Islam telah meletakkan prinsip-prinsip penyatuan antar bangsa dan persaudaraan manusia atas asas-asas universal yang menyinari bangsa-bangsa lain. Namun hakikatnya tiada bangsa di dunia yang dapat menyamai apa yang telah Islam lakukan dalam merealisasikan ide *The League of Nations* (yang kemudian menjadi asas kepada penubuhan United Nations) Dunia tidak segan untuk mengangkat ketuhanan manusia yang hidup dan dakwahnya telah lama hilang dalam lagenda. Sejarah membuktikan bahwa tiada lagenda yang mencapai walaupun sebagian daripada yang disempurnakan oleh Muhammad. Segala jerih payahnya adalah hanya demi menyatukan manusia ke arah menyembah Tuhan YME melalui kehebatan akhlak. Muhammad dan para pengikutnya tidak pernah mengaku sebagai anak Tuhan, jelmaan Tuhan, atau manusia

yang mempunyai tabiat ketuhanan, bahkan ia senantiasa dianggap sampai sekarang hanya sebagai manusia biasa yang diutus oleh Tuhan.¹⁶

Negara Islam pada prinsipnya merupakan musuh utama rasialisme dan caivinisme sebagaimana yang diungkapkan oleh Syed Hussein al-Attas. Beliau mengutip pernyataan Snouck Hurgronje dalam *The Muslim World* bahwa, Liga manusia sejagat yang ideal telah dilaksanakan oleh Islam lebih awal dari mana-mana ideologi. Liga bangsa yang diasaskan oleh agama Muhammad mengambil prinsip persamaan antara semua bangsa-bangsa manusia secara serius sekaligus meletakkan komunitas dunia yang lain dalam keadaan memalukan.¹⁷ Malah Arnold J. Toynbee turut mengesyorkan ruh Islam ini kepada masyarakat Barat sebagai suatu kuasa yang dapat menekan pengaruh rasialime.¹⁸

Analisis Perbandingan Satu Malaysia dan Satu Ummah

Jika diperhatikan, Satu Malaysia dari sudut teoritikal-

nya memang menepati prinsip dan nilai Satu Ummah yang diamalkan oleh Rasulullah saw. Walaupun Satu Ummah tidak menjadi slogan secara resmi berbanding Satu Malaysia, agenda dan tujuan yang dibawa adalah sama yaitu perpaduan nasional seluruh warganegara. Namun demikian perpaduan nasional sepatutnya bukan sekadar hanya dijadikan matlamat akhir sebagaimana dinyatakan Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak,¹⁹ bahkan matlamat awal dan utama yang senantiasa menjadi asas pertimbangan dan tujuan berterusan yang tidak dibataskan dengan jangka masa tertentu sebagaimana yang diterapkan melalui Satu Ummah.

Ṣahīfah Madinah menurut Iqbal telah membawa kepada penyatuan komunitas sebagai satu ummah yang terdiri atas pelbagai latar belakang etnik, kaum, budaya, dan agama, tetapi patuh kepada negara dalam konteks politik dan kenegaraan.²⁰ Ummah yang satu di Madinah merupakan warga yang terbentuk dari kontrak politik yang mengikat kesepakatan

untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Ummah yang satu adalah warga yang bebas dan bersifat terbuka, namun mengamalkan toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Satu Ummah juga mengajarkan supaya rakyat bersahabat tanpa mengenal agama dan keturunan, saling bantu-membantu ke arah kebaikan.

Identitas kemajemukan masyarakat Madinah adalah sama seperti identitas kemajemukan masyarakat Malaysia. Malah dalam era globalisasi ini, hampir mustahil untuk menemukan satu negara yang terdiri atas satu identitas yang sama bagi setiap individu dari sudut keturunan dan budayanya. Apa yang mungkin membedakan antara satu negara dengan yang lain adalah hanya dari sudut kemajemukannya. Hakikatnya, Malaysia memang merupakan negara yang paling majemuk dari segi bangsa dan agamanya di dunia. Identitas warga sebuah negara tidak wajar dibatasi hanya dengan warna kulit atau bahasa saja. Sebaliknya perlu dinilai secara

kolektif dan dibina atas prinsip-prinsip yang disepakati bersama.

Kemajemukan dan keberagaman di dunia ini khususnya manusia adalah fitrah dan *sunnatullah* yang telah ditetapkan. Beragam bangsa dan etnis bertujuan supaya manusia saling kenal-mengenal, memahami pemikiran, budaya dan adat, dan bukannya bersengketa serta berpecah belah. Allah SWT telah berfirman²¹ yang bermaksud: *Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.*

Dalam negara yang majemuk, perpaduan adalah unsur terpenting yang perlu senantiasa dikawal agar segala perbezaan yang wujud akibat keragaman itu tidak menjurus ke arah pergolakan dan konflik. Inilah yang ditekankan

dan dilaksanakan dengan efisien oleh Rasulullah saw semasa mendirikan negara Madinah menerusi langkah penyatuan sesama Muslim dan dilangkaui dengan non Muslim. Ini dilakukan berasaskan pertimbangan kepada latar belakang, agama dan budaya yang beraneka bagi memastikan tidak ada ruang untuk berlakunya pertelingkahan disebabkan isu perkauman dan akhirnya kemajemukan itu dapat dihalakan sebagai satu keunikan yang membawa rahmat dan kesejahteraan bagi penduduk Madinah. Ini mungkin saja terjadi kerana setiap individu dan kumpulan yang berbeda mempunyai potensi masing-masing yang boleh saling mengisi dan menutupi kelemahan antara satu sama lainnya.

Keberagaman bangsa, kaum, dan etnik merupakan fakta sosiologis yang tidak dapat dinafikan di negara ini. Namun jika para pemimpin gagal membentuk dan mengawal perpaduan di kalangan masyarakat majemuk ini, maka sudah tentunya konflik pasti akan terjadi akibat dari perbezaan itu. Akan

tetapi jika terjadi sebaliknya, maka manfaat yang besar akan dirasakan oleh semua rakyat Malaysia. Bagi menayakan matlamat ini, sikap saling menghormati, bertoleransi, dan menerima antara satu sama lain adalah sangat diperlukan bagi setiap rakyat Malaysia meliputi semua kaum, etnis, partai politik, jemaah, dan persatuan serta kumpulan. Ini selaras dengan tuntutan Allah²² yang bermaksud: *Dan berpeganglah kamu semua dengan tali Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan ni'mat Allah kepadamu ketika kamu dahulu bermusuhan-musuhan, maka Allah mempersatukan hati-hati kamu, lalu karena ni'mat Allah kamu menjadi orang-orang yang bersaudara, dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu agar kamu mendapat petunjuk.*

Sebenarnya sejak menjadi Perdana Menteri (PM), Dato Seri M. Najib Tun Abdul Razak telah begitu pantas menggerakkan usaha ke arah Satu Malaysia seperti menye-

lesaikan polemik undang-undang syariah dan sipil yang berkaitan dengan perkawinan dan keluarga antara Muslim dan non Muslim dengan menandatangani beberapa peraturan tertentu walaupun masih belum selesai sepenuhnya dan banyak lagi perkara lain seperti aspek sosial, pendidikan, kemasyarakatan, dan sebagainya yang diurus kepada mencapai matlamat ini. Kredibilitas dan kecekapan beliau dalam hal ini melalui tempo singkat ini amat terserlah dan membanggakan.

Bagi memastikan visi Satu Malaysia mencapai matlamatnya disamping terpandu dengan dasar Islam dan Sunnah Rasulullah saw, aspek memperbaiki dan mempermantap perlembagaan negara dan juga penggubalan undang-undang harus menjadi langkah pertama. Şahifah Madinah yang merupakan perlembagaan yang berasaskan kepada kepercayaan yang diikat dengan perjanjian sudah tentu amat kokoh dan tidak akan dipertikaikan.²³ Jika ada yang mempertikai, ini bermakna individu atau kumpulan yang terbahit telah me-

langgar perjanjian dan dianggap tidak taat kepada negara serta wajar dikenakan tindakan yang setimpal menurut undang-undang yang telah diperuntukkan.

Jika diteliti dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, banyak perkara yang masih samar dan tidak jelas di dalam Perlembagaan seperti kedudukan perundangan Islam, hak-hak bukan Islam, dan sebagainya. Walaupun ada disebutkan di tempat lain dan berulang-ulang kali disuarakan, namun kedudukan perkara tersebut adalah tidak mantap dari aspek perundangan dan sering dipertikaikan. Adalah amat penting sekali isu-isu tersebut diperbaiki dan diperkokoh melalui perlembagaan negara. Begitu juga dengan penggubalan undang-undang hubungan antara kaum dan perkara-perkara lain yang perlu diambil perhatian serius oleh pihak berkenaan terutamanya para pemimpin politik.

Model terbaik adalah dengan menyelaraskan perlembagaan dengan prinsip kenegaraan yang terkandung dalam *Ṣaḥīfah Madīnah* serta

menyelaraskan undang-undang dengan syariat Islam. Prinsip-prinsip tersebut termasuk meletakkan syarat beragama Islam bagi pemimpin utama negara yaitu PM, memperjelas dengan lebih rinci kedudukan Islam dan umat Islam, di samping hak-hak non Muslim. Untuk memastikan kedudukan Islam dan umat Islam terjamin, tidak ada cara lain melainkan mendaulatkan al-Qur'an dan Sunnah dari segala aspek sudut perlembagaan dan juga pelaksanaannya.

Setiap pelaksanaan ini memerlukan penelitian yang mendalam dari sudut pemahaman dan kaidah pelaksanaannya. Oleh karena itu konsep kerjasama umara dan ulama harus menjadi nadi dalam setiap pertimbangan dan tindakan negara dengan memberi tempat yang tinggi dan sepatutnya kepada nasihat dan pandangan para ilmuwan dalam bidang berkaitan khususnya agama Islam. Kejayaan dan kemakmuran negara hanya akan berhasil apabila para pemimpin dan ilmuwan bersama-sama bergandeng bahu membangun negara.

Kesimpulan

Negara Malaysia merupakan negara yang unik dalam konteks keberagaman bangsa, budaya, bahasa, dan agama. Satu Malaysia yang membentuk warga Malaysia sebagai satu negara-bangsa wajar mengambil pengajaran dan panduan daripada konsep Satu Ummah dalam amanah negara Madinah. Satu Malaysia perlu dipertegas dalam bentuk pernyataan secara perlembagaan yang merangkumi kedudukan Islam, hak-hak warga (masyarakat Islam dan bukan Islam. Jika tidak konsep ini hanya menjadi slogan. Ini termasuk juga isu kontrak sosial yang turut diperdebatkan hingga kini. Perjanjian lisan semata-mata hanya akan membawa kepada suatu perjanjian yang goyah bila melibatkan konteks negara.

Prof. Ungku Aziz memandang kontrak sosial yang dilaung-laungkan yaitu tentang hak kaum Melayu, kedudukan Islam dan raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebagai khayalan utopia pemimpin-pemimpin negara terdahulu. Oleh karena itu, mewartakan

isu-isu pokok yang menjadi teras negara adalah perkara yang sangat diperlukan. Perkara ini penting bagi mengelakkan segala pertikaian dan tuntutan tidak *munasabah* yang disebabkan oleh keraguan dan kurangnya kepahaman dan penjelasan dari pihak yang sepatutnya, khususnya kerajaan.

Persoalannya sekarang adakah umat Islam di negara ini bersedia ke arah mencapai matlamat ini? Dari pengamatan secara kasar, dapat diperhatikan bahwa rata-rata kebanyakan masyarakat Muslim khususnya golongan Melayu masih belum benar-benar bersedia terhadap perubahan dari sudut tradisi dan budaya yang selama ini sudah sebatu walaupun secara prinsipnya melalui perlembagaan dan dasar negara tidak berubah. Gejala ini dapat dikesan melalui kurang keaktifan dari sudut penglibatan, pandangan dan suara samada melalui aktivitas-aktivitas formal dan tidak formal, penulisan, dan sebagainya berbanding golongan bukan Muslim.

Malah dalam masa yang sama, kebanyakan golongan

19. Tarmizi Abdul Rahim, *loc. cit.*
 20. Afzal Iqbal, *op. cit.*, h. 13.
 21. QS al-Hujurat (49):13.
 22. QS Alu Imran (3):103.
 23. Afzal Iqbal, *loc. cit.*

Daftar Pustaka

- Al-Quran.
 Abu Ubayd, al-Qasim ibn Salam, *Kitāb al-Amwāl*, Cairo: Kulliyat al-Azhariyyah, 1968.
 Al-Attas, Syed Hussein, *The Islamic States, Progressive Islam* 1 (3) : 1, 1954.
 Al-Buti, Ramadan, *Fiqh al-Sīrah*, Terj. Mohd. Darus Sanawi Ali, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1988, Edisi ke-3, Jilid 1.
 -----, *Fiqh al-Sīrah*, Terj. Mohd. Darus Sanawi Ali. Edisi ke-3. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1997, Edisi ke-3, Jilid 2.
 Goes.Tie.Jr's success Blog. T.th. <http://guestie.wordpress.com/muhammad-saw-success-profile/>(6 Julai 2009).
 Hamidullah, Muhammad, *The First Written Constitution in The World*, Hyderabad: Habib & Co, 1983/1403 H.
 Hurgronje, Christiaan Snouck, *Muslim World Today*, 1991.
 Ibn Hisyam, Abu Muhammad ibn Abd al-Malik al-Ansari, *The life of Muhammad: a Translation of Ishaq's Sirat Rasul Allah*, Lahore: Oxford University Press, 1955.
 -----, *Sīrah al-Nabi*, Beirut: Dar al-Rihani, 1965.
 Ibn Ishaq, Muhammad, *Al-Sīrah al-Nabawiyah*, Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah, 2007.
 Noh, Ibrahim Che, Prinsip-Prinsip Perpaduan Kaum di Malaysia: Satu Kajian Menerusi Piagam Madinah dan al-Quran dan al-Sunnah. Tesis Dr. Fal, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
 Iqbal, Afzal, *Diplomacy in Islam: an Essay on The Art of Negotiation as Conceived and Developed by The Prophet of Islam*, Lahore: Institute of Islamic Culture, 1965.
 Ismail, Ibrahim, *Utusan Malaysia*, 19 April 2009.
 Razak, Najib, www.1malaysia.com.my, 13 Mei 2009.
 Nu'mani, Shibli, *The Islamic Review*, April-May-June, 1963.
 Rahim, Tarmizi Abdul, *Utusan Malaysia*, 16 April 2009.
 Toynbee, Arnold Joseph, *Civilization on Trial*, t.tp: t.pt. 1948, Edisi ke-2.